

**PERANG SALIB DAN KEJAYAAN SALAHUDDIN AL-AYUBI
MENGEMBALIKAN ISLAMICJERUSALEM KEPADA UMAT ISLAM
(Crusades and Saladin's Achievement in Liberating Islamicjerusalem to
Muslims Ummah)**

Oleh:

Mohd Roslan Mohd Nor*

Nor Shakila Mohd Noor**

Abstrak

Perang Salib merupakan satu peristiwa yang telah mencatatkan bahawa golongan Kristian telah berjaya menawan Islamicjerusalem (Baitul Maqdis) dari pemerintahan umat Islam. Ia menjadi lambang kejatuhan umat Islam bermula tahun 1099. Pada tahun 1187 Salahuddin al-Ayyubi telah berjaya membebaskan Islamicjerusalem dari pihak Tentera Salib. Ia menjadi bukti keagungan Salahuddin al-Ayyubi di dalam memimpin pasukannya. Makalah ini membincangkan mengenai kejayaan Salahuddin al-Ayyubi mengembalikan Islamicjerusalem kepada umat Islam. Kajian ini dilakukan berdasarkan kaedah pensejarahan dengan analisis terhadap peristiwa tersebut. Makalah ini menjelaskan bahawa perancangan yang bermula pada zaman Nuruddin al-Zinki telah berjaya diteruskan pada zaman Salahuddin al-Ayyubi sehingga terbebasnya Islamicjerusalem dari tangan Tentera Salib.

Kata kunci: Perang Salib, Salahuddin al-Ayyubi, Baitul Maqdis, Islamicjerusalem, pembebasan.

Abstract

It was through the Crusades that the Christians military expeditions were able to capture Islamicjerusalem from Muslim rule, thus causing the fall of Muslim authority and rule in Islamicjerusalem in 1099AD. In 1187 however, Salah al-Din al-Ayyubi (d.1193), known as Saladdin, was able to liberate Islamicjerusalem from the hands of the Crusaders. Based on historical methods of analysis, this study investigates Saladin's plan of liberating Islamicjerusalem. This research shows that the plan of liberation has not began with Saladdin, but traces its origin back to Nur al-Din al-Zinki (d.1174), ruler of the Syrian province of the Seljuk Empire, and that Saladdin built on earlier efforts and investment in strategic plan and preparation for liberation.

Keywords: Crusades, Saladin, Bayt al-Madis, Islamicjerusalem, liberation.

* Mohd Roslan Mohd Nor, PhD, merupakan Pensyarah Kanan dan Ketua, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: m_roslan@um.edu.my.

** Nor Shakila Mohd Noor, merupakan calon ijazah tinggi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pengenalan

Peperangan dalam Islam adalah satu jalan yang terpaksa dihadapi demi mempertahankan diri dan maruah daripada pencerobohan mana-mana pihak, mempertahankan akidah dan agama, mempertahankan kemanusiaan dan kedamaian, mempertahankan kesejahteraan umat manusia serta tamadunnya.¹ Peperangan yang diistilahkan dengan perang jihad ialah peperangan di jalan Allah atau *fi sabillah* iaitu sebagai tanda pengabdian muslim hanya kepada Allah yang Esa.

Perang Salib adalah salah satu babak yang paling kelam dan dramatis dalam sejarah perjalanan umat beragama yang tercatat dalam lembaran sejarah perang sebagai suatu perang yang memakan tempoh yang agak lama iaitu sekitar dua abad lamanya (1096- 1291 M)² dengan tujuh siri peperangan kesemuanya. Palestin hanyalah salah satu daripada banyaknya wilayah lain yang menjadi tujuan agresif pasukan Salib, begitu juga dengan Salahuddin al-Ayubi yang turut menjadi salah seorang banyaknya panglima yang memimpin gerakan tentera Islam memerangi tentera Salib.

Fakta sejarah membuktikan bahawa dari sudut militer Perang Salib sememangnya tidak pernah berhasil dimenangi oleh pihak Kristian walaupun peperangan tersebut dilancarkan terhadap kaum muslimin sejak sekian lama. Sebaliknya, menerusi Perang Salib jugalah telah mendorong dengan tegarnya gerakan Kristianisasi serta memperlihatkan gereja yang tumbuh ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan. Huntington memetik kata-kata Esposito yang bermaksud bahawa dinamika sejarah mengenai hubungan Kristian-Islam sering mendapati bahawa kedua-dua komuniti ini sering bersaing dan ada kalanya mereka terperangkap dalam perang merebut kuasa, tanah dan nyawa yang menelan banyak korban.³

Ungkapan ini jelas menunjukkan beliau sebenarnya menjelaskan tentang perkara yang *lalu*, walaupun pada masa sekarang perkara tersebut masih lagi berlegar-legar di dalam fikirannya. Hal tersebut bertepatan dengan firman Allah s.w.t yang mengatakan bahawa:

“Dan mereka (orang-orang kafir itu) tidak akan berhenti memerangi kalian sehingga kalian murtad (keluar) dari agama kalian seandainya mereka sanggup,” al-Baqarah (2) : 217

¹ Haron Din (2007), *Islam: Jihad sebagai Survival Insan*, Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd, h. 72

² Tim (1990), *Ensiklopedia Nasional Indonesia*, Jil. 14. Jakarta: PT Cipta Adi Pustaka, h. 38

³ A.G. Noorani (2007), *Islam dan Jihad: Prasangka atau Kenyataan*, Kuala Lumpur: PTS Publications, h. 5

Pendapat tersebut bertepatan dengan kata-kata yang mengatakan bahawa: “*Tiada kestabilan dan tidak berakhir keganasan selagi rakyat Palestin dijajah.*”⁴ Tidak lain dan tidak bukan, matlamat para penjajah hanyalah satu iaitu memerangi Islam serta memecah-belahkan kesatuan Islam yang telah sedia ada.

Jelas bahawa Islam adalah agama damai dan cintakan perdamaian, kerana perkataan Islam itu sendiri membawa erti *salam* atau perdamaian.⁵ Objektif dan matlamat utama peperangan dalam Islam ialah untuk menegakkan ajaran Allah s.w.t yang menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim mempertahankan agamanya. Justeru, peperangan dalam Islam adalah demi mempertahankan maruah diri, agama dan negara seperti yang telah dijelaskan di atas.

Penggunaan Istilah “Perang Salib”

Sejarawan Muslim sering mengaitkan istilah “Perang Salib” sebagai *al-Hamlat al-Salabiyah* yang membawa erti “Serangan Pasukan Salib.”⁶ Sebaliknya, sejarawan Barat selalu menyebutnya sebagai “Gerakan Salib” atau “Gerakan Keagamaan.” Istilah Perang Salib berasal daripada bahasa Arab iaitu حركة yang bermaksud “suatu gerakan” atau “barisan” serta صليبية, merujuk kepada “kayu palang” atau “tanda silang (dua batang kayu dalam keadaan bersilang).”⁷

Menariknya, istilah Perang Salib ini sememangnya tidak pernah digunakan oleh mereka yang terlibat dalam peperangan terbabit. Hal tersebut kerana tentera Salib yang asal telah menggunakan istilah *fideles Sancti Petri* (Orang yang Beriman dengan St. Peter) atau *milites Christi*, merujuk kepada “tentera al-Masih.”⁸ Istilah ini bermula apabila mereka seringkali melihat diri mereka sebagai orang yang membuat *iter* (perjalanan) atau *peregrinatio* (haji) walaupun pada hakikatnya jemaah haji dilarang sama sekali membawa senjata. Setiap daripada jemaah haji ini telah bersumpah bahawa mereka akan berjaya tiba di Baitul Maqdis. Justeru, mereka diharuskan memakai tanda salib berwarna merah pada bahagian hadapan dan belakang pakaian mereka.⁹ Tujuannya ialah semata-mata untuk membangkitkan emosi dan semangat keagamaan, sekaligus membezakan pasukan mereka dari pasukan lain. Kesenambungan daripada mengambil salib tersebut akhirnya dikaitkan dengan seluruh perjalanan itu kerana di sinilah merupakan titik tolak terbinanya istilah “*crusade*” dalam bahasa Inggeris, “*croisade*” dalam bahasa Perancis, “*crociata*” dalam bahasa Itali dan “*croziada*” dalam bahasa Portugis.

⁴ Lihat A.G. Noorani (2007), h. 5; Mohd Roslan Mohd Nor (2008), *Islamicjerusalem Under Muslim Rule: A Study of the Implementation of Inclusive Vision on the Region*, *Jurnal Al-Tamaddun*, 3, 162-181.

⁵ Mahayuddin Hj. Yahya (2002), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti, h. 214

⁶ Sami bin Abdullah (2009), *Atlas Perang Salib: Mengungkap Peristiwa Berdarah Abad Pertengahan*, Jakarta: Penerbit Almahira, h. 1

⁷ Ahmad Warson Munawwir (1997), *Kamus Arab Indonesia*, c. xiv, Yogyakarta: Pustaka Progressif, h. 787

⁸ Sami bin Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 1

⁹ Muhammad al-'Arusiy al-Matwiy (t.t), *Perang Salib di Alam Islami*, Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, h. 47

Sejarah penggunaan istilah Perang Salib menyaksikan bahawa sejak dari kurun ke-17 lagi penggunaan istilah tersebut telah mencetuskan satu konotasi dalam dunia Barat sebagai satu kempen yang wajar, di mana pada kebiasaannya adalah untuk “membanganteras kejahatan,” atau berperang berpaksi pada alasan yang wajar. Namun, dalam makna yang lebih luas, ternyata ia mengandungi makna retorik dan metafora demi mewajarkan sebarang perang yang mendapat justifikasi agama.

Latar Belakang Perang Salib Dan Faktor-Faktornya

Pembangunan yang pesat di Eropah Barat pada Zaman Pertengahan adalah merupakan titik tolak teretusnya Perang Salib, di samping kemerosotan Empayar Byzantium di Timur. Perpecahan Empayar Carolingian pada abad ke-9 serta kestabilan Eropah setelah pengkristianan kaum Viking, Slav dan Magyar telah menghasilkan ramai satria yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan, selain daripada saling bergaduh sesama sendiri dan menindas golongan petani. Walaupun ada usaha daripada pihak gereja dalam membendung masalah ini melalui genjatan senjata yang dipanggil sebagai “*Peace and Truce of God*,” namun ternyata usaha tersebut gagal setelah ramai lagi dalam kalangan satria terlatih tersebut yang masih mahu melakukan keganasan.

Penggeledahan *hospis pilgrim* di Islamicjerusalem serta kemusnahan “Gereja Makam yang Suci” (*Church of the Holy Sepulchre*)¹⁰ pada tahun 1009 oleh khalifah Fatimiyah, al-Hakim bin Amr Allah telah menjadi isu bagi menyemarakkan Perang Salib kerana peristiwa memalukan tersebut ternyata menjadi ingatan kepada bangsa Eropah, walaupun Maharaja Byzantine pada ketika itu berusaha memulihkannya kembali. Selain itu, terdapat beberapa faktor lain yang mencetuskan Perang Salib di mana ia boleh dibahaskan dari sudut agama, politik, dan sosial ekonomi.

Faktor keagamaan memainkan peranan penting sebagai alasan peletusan kepada Perang Salib. Kronologi sejarah menyatakan bahawa kehadiran Islam di tanah suci Kristian telah bermula sejak penaklukan Palestin oleh tentera Islam Arab pada abad ke-7. Sejarah Barat sering menwar-warkan bahawa pertapakan Islam di tanah suci Kristian tersebut telah mengganggu urusan perjalanan jemaah Kristian ke tempat-tempat suci, selain mengganggu keselamatan bihara-bihara dan masyarakat Kristian di tanah suci.¹¹ Salah seorang daripada jemaah tersebut bernama Peter the Hermit.¹² Hakikatnya, orang-orang Islam tidak banyak campur tangan dalam urusan mereka.¹³ Bahkan, orang Eropah di Barat itu sendiri tidak begitu peduli dengan kehilangan Islamicjerusalem disebabkan oleh kesibukan

¹⁰ *Ibid.*, h. 22

¹¹ *Ibid.*, h. 24

¹² Seorang pendeta yang berasal dari Amiens, Perancis. Dilahirkan pada tahun 1050 dan meninggal dunia pada 8 Julai 1115. Seorang yang menganut Roman Katolik. Digelar sebagai “Peter Si Pertapa.” Pemimpin Perang Salib Rakyat yang amat terkenal dengan kebiasaannya yang menunggangi keldai serta berpakaian yang amat sederhana. Sila lihat Sami bin Abdullah (2009), Atlas Perang Salib (terj. Fuad Sayaifudin Nur, c. 1, Jakarta: Penerbit aAlmahira, h. 37

¹³ Ahmad Shalabi (1975), *Perang Salib*, Singapura: Pustaka National Pte Ltd, h. 17

mereka dalam menghadapi serangan orang Islam dan puak bukan Kristian dari Viking dan Magyar. Kejayaan demi kejayaan yang diraih Islam telah memberi tekanan yang hebat kepada Kristian Ortodoks Timur yang berpusat di Empayar Byzantium. Justeru secara analisisnya, tuduhan pihak Kristian mengenai kekejaman Muslim terhadap jemaah Kristian sama sekali boleh dianggap tidak berasas kerana sifat hasad dengki terhadap Islam sentiasa merajai hati mereka, selain sifat benci yang begitu subur dalam setiap jiwa penganutnya yang secara jelasnyanya tidak menyukai Islam.

Peristiwa kekalahan pihak Kristian dalam pertempuran Malazgirt (Manzikert) pada tahun 463 H/ 1071M¹⁴ meninggalkan kesan mendalam kepada imperium Byzantium, sekaligus menjadi faktor Perang Salib dari sudut kepolitikan. Kemenangan besar pasukan Muslim secara tidak langsung telah meruntuhkan dominasi kekaisaran Byzantium atas sebahagian besar kawasan di Asia Kecil. Ibn Katsir dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*¹⁵ menyatakan bahawa Raja Romawi Armanus begitu tekad ingin memusnahkan Islam serta menghapuskan semua penganutnya. Justeru, pada pertengahan awal tahun 463M, Armanus memimpin sebuah pasukan ketenteraan yang besar di mana terdiri daripada bangsa Romawi, Georgia dan Frank. Setiap daripadanya terdiri daripada 35,000 orang panglima, manakala setiap daripada panglima pula terdiri daripada 200 parajurit kavaleri. Namun begitu, jumlah tentera yang ramai tidak menjamin kemenangan di medan perang. Armanus dan pasukannya tetap tumpas di tangan dinasti Seljuk di bawah pimpinan Sultan Alib Arselan.

Faktor dari sudut sosial ekonomi pula berpunca daripada pengaruh para pedagang besar yang berada di pantai timur Laut Tengah, terutama mereka yang berada di Kota Venizia dan Genoa yang berhasrat untuk menguasai sejumlah kota-kota dagang di sepanjang pantai Timur dan selatan Laut Tengah bagi melebarluaskan jaringan perdagangan mereka.¹⁶ Lantaran itu, mereka sanggup menanggung dana Perang Salib dengan harapan daerah-daerah tersebut bakal menjadi kawasan jaringan perdagangan mereka setelah pasukan Salib menang kelak.

Konklusinya, idea sebuah perang suci yang terbina di atas beberapa alasan bagi menentang umat Islam ternyata mendapat sokongan ramai terutama kuasa-kuasa sekular dan keagamaan Eropah pada Zaman Pertengahan. Konsep politik Dunia Kristian yang sedang bangkit pada Zaman Pertengahan benar-benar melonjakkan keinginan mereka melakukan penyatuan kerajaan-kerajaan Kristian di bawah seliaan Pope buat pertama kalinya, di mana ia telah diaplikasikan melalui Perang Salib. Demi matlamat, mereka sanggup melakukan apa sahaja sekalipun melemparkan tuduhan tidak berasas kepada umat Islam. Dengan kata lain, matlamat menghalalkan cara.

¹⁴ *Ibid.*, h. 16

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Ahmad Syalabi (1977), *op. cit.*, h. 554

Perang Salib Pertama (Sebelum Kejayaan Salahuddin Al-Ayubi)

Perang Salib Pertama yang berlaku pada tahun 1095 sehingga 1099 adalah hasil seruan “*jihad*” Pope Urban II¹⁷ berdasarkan dua matlamat yang besar iaitu membebaskan Islamicjerusalem dan Tanah Suci Kristian dari kekuasaan orang Islam serta membebaskan orang-orang Kristian Timur daripada pemeritahan orang Islam.

Siri peperangan ini merupakan kesinambungan daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku lebih awal seperti yang telah dinyatakan sebelumnya pada Zaman Pertengahan dan ia bertitik tolak daripada rayuan yang dilakukan Maharaja Empayar Byzantine, Alexios I Komnenus dalam Persidangan Piacenza pada Mac 1095 bagi mendapatkan tentera upahan Barat dengan tujuan untuk menentang bangsa Turki di Anatolia. Namun begitu, sebaliknya rayuan ini betukar kepada perpindahan dan penaklukan wilayah secara besar-besaran oleh Barat di luar Eropah apabila Pope Urban II menerusi Persidangan Clermont telah menyeru para hadirin supaya merebut penguasaan Islamicjerusalem dari tangan orang Islam. Rentetan daripada misi peperangan tersebut, ramai daripada kesatria dan petani mengharungi lautan serta daratan menuju ke Islamicjerusalem dan berjaya menaklukinya pada bulan Julai 1099 dengan tertubuhnya Kerajaan Baitul Maqdis dan negeri-negeri Salibi yang lain.

Kesibukan para pemerintah negeri Islam terhadap masalah peribadi, perpecahan dalaman seperti perebutan kuasa di antara mereka, serta minat pihak berkuasa dalam mengukuhkan negeri masing-masing selain meluaskan pengaruh kekuasaannya terhadap negara jiran adalah merupakan faktor penyumbang kepada kejayaan Kristian dalam Perang Salib sekaligus merupakan perkara yang paling malang pernah berlaku dalam sejarah Perang Salib Pertama iaitu kekalahan di pihak Muslim dalam menentang tentera Salib. Justifikasi daripada kegagalan mempertahankan negeri-negeri Islam daripada penguasaan pihak Salib menyebabkan banyak daripada negeri naungan Islam seperti Wilayah Edessa, Wilayah Antioch, termasuk Kerajaan Baitul Maqdis dan Tripoli di Palestin berada di bawah negeri-negeri Salibiah.

Secara analisisnya, apa yang pasti Perang Salib Pertama telah menjadi bibit kesinambungan kepada siri Perang Salib yang seterusnya berdasarkan peranannya sebagai titik peralihan utama bagi peralihan kuasa Barat, selain daripada langkah pertama yang utama kepada pembukaan semula perdagangan antarabangsa di Barat sejak daripada kejatuhan Empayar Rom Barat.

¹⁷ Orang pertama yang menyebarkan idea Perang Salib untuk menawan Tanah Suci kepada khalayak umum

Perang Salib Kedua (Kejayaan Salahuddin Al-Ayubi)

Kemunculan Perang Salib Kedua (1145-1149) adalah merupakan rentetan daripada Perang Salib Pertama di mana kejatuhan Edessa¹⁸ atau al-Ruha kepada kaum Muslim cukup memberikan suatu impak yang sangat besar terhadap pasukan Salib. Hal tersebut kerana Edessa merupakan negeri Salib yang pernah dibina pasukan Salib dalam siri Perang Salib Pertama, namun bertindak sebagai negeri Salib pertama yang jatuh ke tangan umat Islam.

Maudud bin Tuntakin, seorang penguasa Mosul bertindak sebagai tokoh pertama di seluruh dunia Islam yang menyahut seruan jihad.¹⁹ Beliau memimpin pasukannya menuju ke al-Ruha lalu menangkap tawanan Armenia, selaku para pembantu kepada pasukan musuh. Kemenangan yang digapainya dalam misi tersebut telah memberikan umat Islam suatu harapan baru bagi meneruskan misi menawan kembali negara-negara Islam yang telah tergedai sebelum daripada itu di tangan pasukan Salib.

Kesinambungan daripada misi menawan kembali al-Ruha, beberapa kelompok umat Islam telah menghadap Maudud pada tahun 507 H/ 1113M dengan tujuan berjihad *fi sabilillah*. Keinginan mereka direalisasikan Maudud dengan terbentuknya satu pasukan militer lalu dikerahkan menuju ke al-Quds. Pihak Kristian yang menyedari kondisi mereka berada dalam keadaan bahaya telah bertindak pantas dengan mengupah seorang anggota Hasyasyiyun²⁰ supaya membunuh Maudud sekembalinya ke Damaskus dalam usaha memperkemarkan angkatan tenteranya. Secara analisisnya, perbuatan membunuh Maudud oleh Hasyasyiyun jelas menggambarkan suatu pengkhianatan yang nyata kerana seorang yang mengaku Muslim begitu sanggup membunuh seorang Mujahid Muslim sendiri demi kepentingan diri semata-mata.

Perjuangan Maudud membebaskan al-Ruha daripada naungan Salib telah diteruskan oleh Imaduddin Zanki pada tahun 539 H. Berbekalkan semangat jihad yang tinggi, misinya menemui kejayaan. Bahkan, penguasaan ke atas kota ini menjadi titik tolak kepada perebutan kota-kota yang lain. Imaduddin Zanki menanam semangat jihad yang begitu utuh dalam usahanya membebaskan Syam dari cengkaman penjajah Salib di tengah kealpaan pemerintah Islam yang lain. Justeru, sebagai langkah awal, beliau bertindak menakluki Kota Aleppo (Halab) yang merupakan kota terpenting di utara Syam. Beliau memulakan gerakan penaklukannya pada 1 Muharam 522 H setelah beberapa bulan beliau dilantik menjadi penguasa Mosul. Fenomena ini jelas menunjukkan beliau memiliki langkah yang utuh serta memiliki pandangan yang tajam sebelum melakukan

¹⁸ Sebuah kota yang didirikan di Timur Islam pada tahun 491 H/ 1097 M oleh Badwin I. Penguasaan ke atas kota ini merupakan titik tolak kepada perebutan kota-kota yang lain. Sila lihat Sami bin Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 149

¹⁹ Alhamawi, Yaqut (1999), *Mu'jam al-Udaba': Irshad al-Arib Ila Ma'rifat al-Adib*, Jil. 2, Beirut: Mua'assasat al-Ma'arif, h. 403-404

²⁰ Kelompok ini dikenali juga sebagai "*al-Nazariyah*," diasaskan oleh al-Hasan bin Ash-Shabah. Merupakan suatu kelompok aliran batiniyah yang sesat. *Ibid.*, h. 99

serangan ke atas Syam walaupun beliau sedar bahawa ia bukan suatu perkara yang mudah untuk dilakukan kerana terpaksa melakukan pengepungan selama berbulan-bulan sebelum menguasai kota tersebut.

Tidak terhenti sekadar Aleppo sahaja, Imaduddin terus mengorak langkahnya menuju ke Kota Hamah pada tahun berikutnya (523 H). Kemudian, beliau juga turut membebaskan Kota Sarja, Dara dan Benteng al-Atsarib daripada kekuasaan Salib. Lebih membanggakan, setelah berjuang sekian lama, beliau akhirnya berhasil menakluk sebahagian besar kawasan Syam.

Nuruddin Zanki,²¹ selaku pemerintah Aleppo yang dilantik menggantikan bapanya telah meneruskan misi bapanya terdahulu iaitu memerangi kaum Salib. Justeru sesuai dengan tugasnya, beliau telah menyerang Antakya yang masih berada di bawah kuasa pasukan Salib. Tindak balasnya itu adalah untuk menggagalkan usaha Juslin II yang cuba menduduki al-Ruha kembali, lantaran kekalahan yang dideritai pasukan Salib di al-Ruha lebih hebat daripada kekalahan yang mereka terima sewaktu cuba menakluki al-Ruha buat pertama kalinya dahulu. Kematian Imaduddin disangkakan dapat meringankan beban pasukan Salib, malangnya sangkaan mereka meleset sama sekali. Ternyata, semangat dan keberanian Nuruddin menyamai bapanya, sekalipun baru menginjak usia 29 tahun.²²

Ketabahan mujahidin serta kesatuan barisan pasukan Islam itu sendiri berjaya mematahkan usaha penaklukan Syam serta pendudukan ke atas Damaskus oleh pasukan Salib pada tahun 542 H/ 1147 M di bawah pimpinan Louis VII dan Conrad III.²³

Sebagai seorang politikus yang handal, Nuruddin begitu bijak mengatur strategi dalam usaha membebaskan Mesir daripada pengaruh dan kekuasaan Ubaidiyyah yang selama ini telah dikuasai mereka hampir 2 abad lamanya. Sebagai seorang yang berpandangan jauh, beliau bertindak menghapuskan Daulah Ubaidiyyah dengan bantuan dua parajurit yang handal iaitu Asaduddin Syirkukh serta anak saudaranya iaitu Salahuddin al-Ayubi. Secara analisisnya, penghapusan Daulah Ubaidiyyah tersebut bermaksud secara tidak langsungnya akan membawa kepada kelemahan kekuatan pasukan Salib serta kaum Hasyasyiyun di Syam, selain mengembalikan bumi Mesir ke pangkuan akidah *Ahl Sunnah wal Jama'ah*.²⁴

Salahuddin al-Ayubi adalah merupakan seorang tokoh yang terus lestari dalam Daulah Ayubiyah di Mesir sehingga 80 tahun kemudiannya.²⁵ Para sejarawan sepakat mengatakan bahawa setelah Asaduddin Syirkukh meninggal dunia, semua

²¹ Burhan Che Daud (2006), "Nur al-Din Zanki and the Emergence of Jihad in 6th Century AH/ 12th Century AD", *Jurnal Yadim*, Bil. 8, Jun 2006, h. 101

²² Sami bin Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 107

²³ Majed, Abd Al-Mun'in (1968), *Zuhur Khilafat al-Fatimiyyun wa Suqutuhm fi Misr*, Alexenderia: t.p, h. 487-488

²⁴ *Ibid.*, h. 120

²⁵ Lyons, M. dan Jackson, D (1982), *Saladin: the Politics of the Holy War*, UK: Cambridge University Press, h. 34

urusan kenegaraan diserahkan kepada beliau.²⁶ Kewafatan Nuruddin telah memberikan kesempatan kepada Salahuddin bagi meluaskan daerah kekuasaannya sehingga ke Mesir, sebahagian daripada Syam, al-Jazirah, Yaman serta Mosul. Dengan kata lain, Daulah Ayubiyah telah mencakupi sebuah kawasan yang amat luas di dunia Arab. Jelasnya, Salahuddin telah mewarisi panji-panji jihad sebelum eranya yang telah dikibarkan oleh Syarafuddaulah Maudud dan Imaduddin Zanki²⁷ dengan menyatukan perjuangan umat Islam di Mesir, Syam, al-Jazirah, Hijjaz serta Yaman. Apa yang lebih membanggakan umat Islam ialah beliau seorang yang mendukung perjuangan *fi sabilillah* untuk membebaskan Tanah Suci Baitul Maqdis.

Sebagai langkah membebaskan Islamicjerusalem daripada tangan pihak Salib, Salahuddin telah mewarisi sejumlah besar angkatan perang, selain memiliki angkatan perang Mesir sendiri serta angkatan perang oleh Sultan Morocco. Beliau bersama gabungan militernya telah menakluk Benteng Karak²⁸ terlebih dahulu pada tahun 578 H/ 1182 M.²⁹ Baginya sejak mendirikan Daulah Ayubiyah, Salahuddin telah bertekad menjamin keamanan laluan perdagangan serta keselamatan kapal-kapal milik nelayan Muslim di kawasan Laut Merah. Lebih-lebih lagi ia berkait rapat dengan keselamatan perjalanan para jemaah haji. Justeru, secara analisisnya dapatlah dikatakan bahawa berdirinya daerah penaklukan Salib di Karak bererti memerlukan usaha yang lebih keras, di samping lebih bijak dalam menjalankan rentak politiknya. Apa yang dapat difahami, ternyata Salahuddin begitu menitikberatkan kemaslahatan umat Islam di mana beliau tidak pernah ragu untuk berkonfrontrasi dengan semua pihak yang cuba mengganggu keamanan di laut tersebut. Bahkan tidak sesekali gentar menghancurkan armada Salib yang melakukan pencerobohan.

Ketokohan Salahuddin al-Ayubi dalam memerangi Perang Salib begitu terserlah ketika berlakunya Perang Hittin (583 H/ 1187 M). Pertempuran ini berlangsung pada hari Sabtu, 14 Rabiulakhir 583 H.³⁰ Namun, realitinya pertempuran ini telah dimulai pada hari Jumaat sebelumnya, lantaran kebiasaan Salahuddin memulakan peperangan itu pada hari Jumaat sempena mengambil berkah doa dari orang-orang Muslim dan juga para khatib solat Jumaat.

Salahuddin mengambil kesempatan menyerang Tiberias kemudiannya di saat pasukan Salib menyangkakan bahawa beliau serta pasukannya masih lagi berada di daerah Shafuriya iaitu di Akko. Kondisi tersebut menyebabkan Salahuddin berhasil mengambil kembali Tiberias daripada terus menjadi milik pasukan Salib. Kesannya, pasukan Salib berasa cemas lalu mengerahkan pasukan tentera ke

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*, h. 123. Lihat juga Maher Y. Abu Munshar (2007), *Islamic Jerusalem and its Christians: A history of Tolerance and Tensions*, UK: IB Tauris.

²⁸ Sebuah benteng yang didirikan oleh Fulk of Anjou (1131- 1143 M) iaitu salah seorang Raja Frank yang menguasai Baitulmaqdis. Benteng ini ditakluki Salahuddin setelah beliau berjaya membunuh Renaud de Chatillon (Arnath). Lihat Sami bin Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 128

²⁹ *Ibid.*, h. 125

³⁰ *Ibid.*, h. 130

kawasan tersebut. Pada hari Khamis 22 Rabiulakhir, mereka tidak bertempur. Berkemungkinan besar, tujuannya adalah untuk menyimpan tenaga, selain memperkemaskan angkatan tentera masing-masing bagi pertempuran yang sengit pada keesokan harinya. Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan umat Islam hampir meletakkan pasukan Salib dalam kondisi kekalahan. Ramai dalam kalangan mereka yang melarikan diri ke Tyre (Shour). Menyedari tindakan pasukan Salib tersebut, pasukan Muslim mengejar mereka dan terus menggempurnya sehingga pasukan Salib nyaris tidak tersisa. Hanya sedikit sahaja daripada parajurit yang berlindung di Hittin.³¹ Namun begitu, pasukan Salib pada akhirnya terpaksa menyerah diri dan mengaku kalah kepada pasukan Muslim setelah barisan pertahanan mereka hancur. Bahkan Raja Guy de Lusignan sendiri berjaya ditawan Salahuddin, selain daripada panglima Baron.

Misi Salahuddin seterusnya sebelum menuju ke Islamicjerusalem ialah membebaskan daerah Tebnine di mana beliau berhasil merampasnya kembali daripada pasukan Salib pada 18 Jamadilawal, pada hari Ahad, merujuk kepada tahun yang sama. Kemudian, daerah Shaida pula yang jatuh ke tangan Muslim pada hari Selasa, 20 Jamadilawal manakala Kota Beirut pula pada hari Khamis, 29 Jamadilawal. Asqelon pula turut jatuh pada tahun yang sama iaitu 583 H setelah hampir 35 tahun kota ini dikuasai oleh pasukan Salib. Salahuddin bersama pasukannya mengambil keputusan menetap di Asqelon di mana di Asqelon inilah beliau menerima penyerahan Kota Gaza, Bait Jibril serta Nazhrun tanpa berlaku sebarang pertempuran.³²

Sami bin Abdullah al-Maghluts di dalam bukunya “*Atlas Perang Salib*” turut mengemukakan pendapat daripada al-Maqrizi di mana Salahuddin telah bergerak bersama pasukannya untuk membebaskan Islamicjerusalem dan tiba di lokasi tersebut pada hari Ahad, 15 Rejab 583 H.³³ Menerusi misi pembebasan Islamicjerusalem daripada penjajahan Salib, ramai daripada tentera Muslim yang gugur syahid. Namun, sudah ditakdirkan Allah s.w.t bahawa kemenangan itu akhirnya akan menjadi milik pihak Muslim setelah pihak Muslim berhasil meruntuhkan salah sebuah dinding pertahanan Islamicjerusalem. Melihat kepada kondisi tersebut, pemimpin Salib cuba berkompromi dengan meminta jaminan keamanan dari pihak Islam. Justeru, Salahuddin telah menetapkan syarat di mana setiap daripada kaum lelaki dikehendaki menebus diri mereka dengan 10 dinar Mesir, kaum perempuan pula terdiri daripada 5 dinar Mesir, manakala kanak-kanak lelaki dan perempuan pula ialah 2 dinar Mesir dan keseluruhan fakir miskin pula berjumlah 30,000 dinar Mesir.³⁴ Sejarah merekodkan bahawa sebanyak 300,000 dinar Mesir³⁵ diperolehi pihak Islam hasil daripada wang tebusan tersebut.

³¹ Sebuah desa tempat pemakaman Nabi Syu'aib as. Lihat Sami bin Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 62

³² Espesito, John L (1998), *Islam: The Straight Path*, Oxford: Oxford University Press, h. 59

³³ *Ibid.*, h. 183

³⁴ *Ibid.*, h. 138

³⁵ *Said Abd al-Fattah* (1986), *al-Haraka al-Salibiyya, Safha Musharifa fi Tarikh al-Jihad al-Islami fi al-Usur al-Wsta*, Jil. 2, Kaherah: Maktab al-Anjlu al-Masriyyah, h. 633-636

Menjadi suatu perkara yang menggembirakan pasukan Muslim serta umat Islam seluruhnya apabila pasukan Muslim menerima penyerahan al-Quds atau Islamicjerusalem pada hari Jumaat, 27 Rejab 583 H.³⁶ Seramai 60,000 orang Frank telah diusir dari kota ini, manakala 16,000 lagi masih tertawan kerana ada di antara mereka yang tidak mampu membayar wang tebusan diri. Justifikasinya, berita kemenangan ini telah mengundang ramai daripada umat Islam dari seluruh pelusuk negeri ke Islamicjerusalem untuk menziarahi tanah suci ini. Masjid al-Aqsa yang dahulunya pernah dijadikan kandang babi oleh pihak Salib telah dibersihkan di mana *Shakhras* dicuci dengan air mawar manakala lantainya pula dilengkapi permaidani yang indah. Salahuddin bertindak membersihkan seluruh Masjid al-Aqsa daripada sebarang unsur Kristian dan pada 4 Syaaban 583 H, tercatat dalam lembaran sejarah di mana solat Jumaat yang pertama telah dilakukan umat Islam di tempat tersebut setelah sekian lama berada di tangan pasukan Salib.

Perang Salib Ketiga

Perang Salib Ketiga (1189- 1192) adalah merupakan cubaan raja-raja Kristian Eropah untuk merampas kembali Jerusalem daripada Salahuddin al-Ayubi. Didorong oleh semangat keagamaan, Henry II dari England dan juga Philip II dari Perancis sanggup melupakan persengketaan di antara mereka sekaligus menamatkan konflik yang sedia ada demi memimpin Perang Salib baru. Namun begitu, kematian Henry pada tahun 1189 telah meletakkan tentera Salib di bawah pimpinan Raja Richard I (Si Hati Singa).

12 Julai 1191 M, di bawah pimpinan Raja Richard I Kota Akko³⁷ berjaya dirampas kembali oleh pihak Salib. Tindakan ini ternyata benar-benar membuatkan pasukan Islam amat terkejut kerana Richard telah melanggar perjanjian damai yang telah dimeterai sebelum ini. Pasukan Salib melarang sama sekali semua penduduk Muslim meninggalkan kota tersebut sebelum semua daripada harta mereka diserahkan kepada pasukan Salib. Salahuddin al-Ayubi sendiri dikehendaki membayar sebanyak 200 dinar³⁸ dan permintaan ini dipenuhi oleh beliau demi melindungi penduduk Muslim. Demi mengelak Akko daripada terus jatuh ke tangan tentera Salib, Salahuddin cuba meminta bantuan daripada para penguasa Muslim yang lain, namun permintaan Salahuddin diketepikan begitu sahaja. Hanya pemerintah Turkmenistan sahaja yang berjanji akan menghulurkan bantuan ketenteraannya.³⁹

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Dikenali juga sebagai "Acre" dalam bahasa Latin. Kota ini terletak di tepi Laut Tengah di sebelah barat dataran tinggi Golan dan merupakan kota bersejarah tertua di Palestin. Kota ini terletak sejauh 173 km ke arah barat laut dari al-Quds. Kedudukannya yang strategik telah menyebabkannya dianggap sebagai kunci bagi seluruh kawasan Palestin. Malah, sejak dahulu lagi ia menjadi pelabuhan utama Kan'an. Kota kuno Akko telah dibina oleh bangsa Salib. Lihat Sami bin Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 130

³⁸ *Ibid.*, h. 151

³⁹ Kamal al-Din Abi Al-Qasim (1996), *Zubdat al-Halab min Tarikh Halab*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya, h. 408-409

Faktor yang menarik minat mendalam pasukan Salib menakluki kembali Akko adalah kerana fungsinya kelak sebagai pusat pemerintahan semua kota yang ditakluki pasukan Salib. Dengan kata lain, sebagai pengganti al-Quds. Kesenambungan daripada kemenangan tersebut, pasukan Salib ingin mencapai matlamat utamanya iaitu menjajah kembali Islamicjerusalem. Mengetahui hal tersebut, Salahuddin terus memperkuat pertahanan Kota Baitul Maqdis.

Malang bagi pihak pasukan Salib apabila dalam masa yang sama terjadi pertengkaran rampasan perang antara mereka. Justeru, pada 2 September 1192 M/588 H, termeterailah perjanjian di antara pihak Muslim dan Salib yang dikenali sebagai “Perjanjian Damai Ramallah” di mana Salahuddin al-Ayubi diwakili oleh dua orang puteranya iaitu al-Afdhal dan juga al-Zahir, selain dari saudara kandungnya sendiri iaitu Adil. Sebaliknya, Raja Richard pula diwakili oleh Henry de Champagne, Balian II de Ibelin, Unfroy de IV de Torun.⁴⁰ Intipati daripada perjanjian tersebut telah menyaksikan Islamicjerusalem terus kekal di bawah kekuasaan Islam dengan syarat penziarah Kristian yang tidak bersenjata dibenarkan melawat bandar tersebut.

Kesimpulan

Antara perkara yang dapat disimpulkan berdasarkan situasi dan kondisi yang berbeza antara Perang Salib Pertama, Kedua dan Ketiga ialah Perang Salib Kedua jelas menunjukkan kekalahan pasukan Salib, bermula dari awal hingga ke akhir. Dengan kata lain, Perang Salib Kedua merupakan suatu kegagalan bagi mereka, walaupun ternyata jumlah tentera Salib mengatasi jumlah tentera Muslim sewaktu Perang Hittin. Sesuai dengan pendapat yang diutarakan oleh Abu Huraira Abdurrahman di dalam bukunya “*Hikmah di Sebalik Jihad*” bahawa kemenangan itu tidak terletak kepada jumlah, tetapi dengan keimanan, penentuan dan izin Allah swt.⁴¹ Keimanan sejati dan tawakkal kepada Allah menakluki segala bahaya yang ditemui.⁴²

Namun begitu, kejayaan tentera Salib dalam Perang Salib Pertama adalah kerana perpecahan dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Pemerintah Islam selaku tunjang jatuh dan banggunya umat Islam itu sendiri berada dalam keadaan lemah, tidak bersedia dalam menghadapi bahaya dan ancaman sama ada ancaman dalaman dan luaran itu sendiri membuatkan negara Islam itu dengan mudahnya ditawan musuh. Namun, orang Islam itu belajar daripada kesilapan. Umat Islam kembali bangkit setelah mengalami kejatuhan pada Perang Salib Pertama. Kemenangan Hittin benar-benar menggoncangkan musuh kerana ekor dari kemenangan Hittin, Salahuddin berjaya merebut lebih banyak kota di Palestin dari tangan penjajah. Kemuncak kemenangan Islam era Salahuddin ialah pembebasan kembali Islamicjerusalem dari tangan penjajah pada 27 Rejab 583 H/ 12 Oktober

⁴⁰ *Ibid.*, h. 157

⁴¹ Abuhuraira Abdurrahman (2001), *Hikmah di Sebalik Jihad*, Kuala Lumpur: Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd, h. 90

⁴² *Ibid.*, h. 91

Perang Salib Dan Kejayaan Salahuddin Al-Ayubi Mengembalikan Baitul-Maqdis Kepada Umat Islam 1187 M. Menerusi penaklukan kembali negara-negara Salibiyah oleh pasukan Muslim, pemerintah Islam tidak menggunakan cara kekerasan dalam melayani subjek di dalam daerah taklukan tersebut. Malah, melayani pihak musuhnya dengan begitu baik, kontra dengan layanan mereka sewaktu menakluk negara Islam sewaktu ketika dahulu.

Rujukan

A.G. Noorani (2007), *Islam dan Jihad: Prasangka atau Kenyataan*, Kuala Lumpur: PTS Publications.

Abuhuraira Abdurrahman (2001), *Hikmah di Sebalik Jihad*, Kuala Lumpur: Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd.

Ahmad Shalabi (1975), *Perang Salib*, Singapura: Pustaka National Pte Ltd.

Ahmad Warson Munawwir (1997), *Kamus Arab Indonesia*, c. xiv, Yogyakarta: Pustaka Progressif.

Alhamawi, Yaqut (1999), *Mu'jam al-Udaba': Irshad al-Arib Ila Ma'rifat al-Adib*, Jil. 2, Beirut: Mua'assasat al-Ma'arif.

Burhan Che Daud (2006), "Nur al-Din Zanki and the Emergence of Jihad in 6th Century AH/ 12th Century AD", *Jurnal Yadim*, Bil. 8, June.

Esposito, John L (1998), *Islam: The Straight Path*, Oxford: Oxford University Press

Haron Din (2007), *Islam: Jihad sebagai Survival Insan*, Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd

Kamal al-Din Abi Al-Qasim (1996), *Zubdat al-Halab min Tarikh Halab*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya

Lyons, M. dan Jackson, D (1982), *Saladin: the Politics of the Holy War*, UK: Cambridge University Press.

Mahayuddin Hj. Yahya (2002), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.

Maher Y. Abu Munshar (2007), *Islamic Jerusalem and its Christians: A history of Tolerance and Tensions*, UK: IB Tauris.

Majed, Abd Al-Mun'in (1968), *Zuhur Khilafat al-Fatimiyyn wa Suqutuhm fi Misr*, Alexenderia: t.p.

Mohd Roslan Mohd Nor (2008), 'Islamicjerusalem Under Muslim Rule: A Study of the Implementation of Inclusive Vision on the Region.' *Jurnal Al-Tamaddun*, 3, 162-181.

Muhammad al-'Arusiy al-Matwiy (t.t), *Perang Salib di Alam Islami*, Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.

Said Abd al-Fattah (1986), *al-Haraka al-Salibiyya, Safha Musharifa fi Tarikh al-Jihad al-Islami fi al-Usur al-Wsta*, Jil. 2, Kaherah: Maktabt al-Anjlu al-Masriyyah.

Sami bin Abdullah (2009), *Atlas Perang Salib* (terj. Fuad Sayaifudin Nur, c. 1, Jakarta: Penerbit aAlmahira.

Tim (1990), *Ensiklopedia Nasional Indonesia*, Jil. 14. Jakarta: PT Cipta Adi Pustaka.